



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

**KENYATAAN TENDER**

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang berkenaan bagi menyertai tender berikut:-

No. Tender	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran	Jenis Tender	Tempoh Dan Tempat Pengambilan Dokumen Pelawaan Tender	Harga Jualan Dokumen Pelawaan Tender	Tarikh Dan Masa Tender Ditutup
JANM Bil. 11/2020	Kajian Pembangunan Model Serta Kerangka Bagi Analisis Data Raya Dan Pelaporan Bersepadu Di Jabatan Akauntan Negara Malaysia	340101; dan 340103; dan 340401; dan 340404; dan 340605.	Secara Manual	<p>30 Disember 2020 (Rabu) Hingga 20 Januari 2021 (Rabu)</p> <p><b>Isnin - Khamis</b> 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang - 4.30 petang</p> <p><b>Jumaat</b> 8.30 pagi - 12.15 t/hari 2.45 petang - 4.30 petang</p> <p><b>Tempat : Seperti alamat di perenggan 5</b></p> <p>(Sila bawa bersama Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan)</p>	RM60.00 (tidak akan dikembalikan)	<p>Tarikh : 20 Januari 2021 (Rabu)</p> <p>Masa: 12.00 tengah hari</p> <p>Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.</p>

2. Firma hendaklah memastikan tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia **sentiasa sah (valid)**.
3. Dokumen Pelawaan Tender boleh diperolehi **mulai 30 Disember 2020 (Rabu)** pada waktu pejabat di alamat seperti di bawah. Bayaran bagi dokumen ini hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank/wang pos** atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.
4. Dokumen pelawaan hanya akan dijual kepada firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dengan tarikh sijil pendaftarannya **masih sah berkuat kuasa**.
5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara manual dengan memasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender sebelum atau pada **tarikh dan masa** yang telah ditetapkan seperti di jadual di perenggan 1 ke alamat seperti berikut:

**Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan,  
Seksyen Pengurusan Kewangan Dan Perolehan,  
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62594 Putrajaya**

6. Petender adalah tertakluk kepada syarat dan terma yang ditetapkan. Petender yang menyertai tender tetapi didapati tidak mematuhi **semua** syarat dan terma yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan juga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau sebarang tender.
7. Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan ini di talian **03-8882 1032 / 1728 / 1704 / 1072 / 1075 / 1195 / 1498**.
8. Notis ini juga boleh diakses melalui laman sesawang [myprocurement.treasury.gov.my](http://myprocurement.treasury.gov.my) dan [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my).